



SMK SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA

Jalan Kinrara 5A, Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80757273 / Faks : 80757315

Laman web sekolah : www.smks4bk.edu.my

Rujukan kami : SMKS4BK/06/01/06
Tarikh : 4 Mac 2013
21 Rabiul Akhir 1434

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga yang dihormati.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN AKTIVITI BULAN MAC HINGGA APRIL 2013

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. PERSEKOLAHAN GANTI

Tarikh sekolah ganti yang pertama tahun ini adalah pada 2 Mac 2013 (Sabtu). Murid-murid akan menggunakan jadual waktu Hari Khamis.

3. KEJOHANAN ROAD RUN

Kejohanan Road Run kali ke-6 telah dijadualkan berlangsung pada 2 Mac 2013 (Sabtu) bersamaan persekolahan ganti. Murid-murid mesti datang ke sekolah dengan pakaian rumah sukan masing-masing.

4. PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Pentaksiran Psikometrik merupakan komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Pentaksiran ini akan hanya melibatkan murid-murid Tingkatan Satu dan Dua sahaja. Tanggungjawab ini diserahkan kepada Kaunselor Sekolah yang akan melaksanakannya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

5. UJIAN BULAN MAC

Jadual Ujian Mac telah diedarkan kepada semua murid. Ujian ini akan bermula pada 11 Mac 2013 (Isnin) bagi Tingkatan 4 dan 5 dan Tingkatan lain mengikut jadual. Ibu bapa boleh menyemak Jadual Ujian Mac serta informasi lain di laman web sekolah seperti tertera di bahagian alamat sekolah lampiran ini.

6. BENGKEL KERTAS 3 (SPM TINGKATAN 5 PRINSIP AKAUN

Bengkel Kertas 3 Prinsip Akaun akan dijalankan pada 21 Mac 2013 (Khamis). Semua murid-murid Tingkatan 5 yang akan menduduki Kertas Prinsip Akaun SPM dimestikan hadir pada Bengkel ini. Murid-murid akan menjawab Kertas 3 Prinsip Akaun pada hari tersebut.

7. KURSUS PRS

Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) akan menghadiri Kursus PRS selama dua hari mulai 23 Mac 2013 (Sabtu) hingga 24 Mac 2013 (Ahad). Kursus dikendalikan oleh Kaunselor Sekolah

8. PERJUMPAAN BADAN BERUNIFORM

Perjumpaan Aktiviti Badan Beruniform ke 9 dan 10 pada 13 Mac 2013 (Rabu) akan ditunda ke 20 Mac 2013 (Rabu) kerana Ujian Bulan Mac.

9. BENGKEL KEPIMPINAN MURID

Bengkel Kepimpinan Murid dalam Pengurusan Kokurikulum akan dijalankan pada 13 April 2013 (Sabtu)

10. CUTI SEPARUH PENGGAL PERTAMA

Cuti Separuh Penggal Pertama akan bermula pada 23 Mac 2013 (Sabtu) hingga 31 Mac 2013 (Ahad). Murid-murid akan bersekolah semula pada 1 April 2012 (Isnin)

11. LATIHAN SUKAN

Latihan Sukan akan diadakan sepanjang bulan April mengikut jadual yang telah diedarkan kepada semua murid di sekolah ini.

12. **PELANTIKAN PRS**

Majlis Pelantikan PRS akan diadakan pada 1 April 2013 (Isnin).

13. **PELANTIKAN ALK/EJK KOPERASI**

Majlis Pelantikan ALK/EJK Koperasi Sekolah akan diadakan pada 8 April 2013 (Isnin).

14. **HARI ANUGERAH CEMERLANG**

Hari Anugerah Cemerlang bagi meraikan kejayaan murid-murid yang telah menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang akademik dijadualkan berlangsung pada 20 April 2013 (Sabtu). Murid-murid yang mencapai prestasi cemerlang dalam peperiksaan PMR dan SPM tahun 2012 akan diberi pengiktirafan atas sumbangan mereka mengharumkan nama sekolah

15. **SESI DIALOG IBUBAPA MURID-MURID TINGKATAN 3**

Satu sesi dialog antara ibubapa murid-murid Tingkatan 3 ditetapkan pada 25 April 2013 (Khamis). Satu surat panggilan akan diedarkan kepada semua murid Tingkatan 3 bagi mengenalpasti ibubapa yang akan hadir pada hari tersebut. Sesi ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh ibubapa sebaik mungkin.

16. **SESI DIALOG IBUBAPA MURID-MURID TINGKATAN 5**

Satu sesi dialog antara ibubapa murid-murid Tingkatan 5 dengan guru-guru sekolah dijadualkan pada 26 April 2013 (Jumaat). Sesi ini diharap dapat membuka minda ibubapa untuk membantu anak-anak mereka meraih kejayaan pada masa hadapan dengan membuat pilihan yang tepat.

17. **LAWATAN SAMBIL BELAJAR**

Lawatan Sambil Belajar ke Kuala Gandah akan diadakan pada 27 April 2013 (Sabtu) anjuran Pandu Puteri. Penyertaan terdiri daripada ahli Pandu Puteri dan juga ahli daripada Badan beruniform yang lain.

18. **PERSEKOLAHAN GANTI**

Persekolahan Ganti kedua adalah pada 27 April 2013 (Sabtu) menggunakan jadual waktu hari Jumaat. Waktu Persekolahan adalah seperti berikut

Sesi pagi : 7.25 pagi hingga 12.30 tengahari
Sesi petang : 12.30 tengahari hingga 4.55 petang

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
Kek Lee Beng
Pengetua,
SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara.